



MODUL PINTAS TINGKATAN 5

Peperiksaan Percubaan Tahun 2019

Skema Jawapan Bahasa Melayu

Kertas 1 1103/1

KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1- (1103/1)

KARANGAN BAHAGIAN A (30 MARKAH)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa luas. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan – kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas.
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

KRITERIA PENSKORAN

KARANGAN BAHAGIAN B (100 MARKAH)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 - 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis . • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Kepujian	66 - 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Baik	51 – 65 (58 – 64)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.

	(51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan masih menarik dan berkesan serta pemerengganan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.
Memuaskan	36 - 50 (43 - 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ayat kurang gramatis. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang menarik. • Wacana masih/kurang lengkap.
Kurang memuaskan	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan / bercampur aduk dan huraian isi tidak jelas / dan contoh tidak sesuai. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
Pencapaian minimum	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar dibaca / tidak difahami.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019

1103/1(PP)

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

September

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Menengah Selangor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2019

Bahagian A (30 markah)

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri-ciri masyarakat alaf baru yang menjadi wawasan negara bagi mencapai negara maju.

Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri masyarakat alaf baru.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

- Mendapatkan maklumat daripada Internet
- Meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang
- Menggunakan kemudahan teknologi maklumat secara meluas

Kehendak Soalan:

1. Calon hendaklah menghuraikan **ciri-ciri masyarakat alaf baru** dengan huraian isi yang jelas dan disertakan dengan contoh yang sesuai.
2. Kemungkinan jawapan calon:
 - Jika calon hanya menghuraikan salah satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi lain yang relevan, diterima dan **boleh cemerlang**.
 - Jika calon tidak mengambil langsung isi yang terdapat pada bahan rangsangan, tetapi menghuraikan isi lain yang relevan – diterima tetapi karangan **maksimum kepujian**.
3. Calon hendaklah memberikan contoh yang sesuai bagi setiap huraian isi seperti cadangan berikut:
 - Mendapatkan maklumat daripada Internet; penggunaan Internet secara meluas untuk mendapatkan maklumat dalam pelbagai bidang, media sosial seperti aplikasi *Watt sap*, *Telegram*, *Facebook* yang menjadi medium utama untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat semasa.
 - Meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang; masyarakat berlumba-lumba meningkat ilmu dan kemahiran, menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi untuk memperbaiki taraf kehidupan, menyertai seminar, kursus atau program yang dianjurkan oleh pihak tertentu untuk meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti kursus pertanian, automotif, makanan dan lain-lain.
 - Menggunakan kemudahan teknologi maklumat secara meluas; urusan sehari-hari seperti pembayaran bil, transaksi wang, urus niaga dijalankan secara *online*, komunikasi lebih banyak menggunakan telefon pintar, mesyuarat atau persidangan menggunakan telesidang, pengajaran dan pembelajaran secara maya.
4. Jika **huraian isi umum** tanpa disertakan dengan contoh – **karangan tidak boleh cemerlang, maksimum peringkat baik**.

SKEMA KARANGAN BAHAGIAN B (100 MARKAH):

Soalan 1

Permainan tradisional seperti congkak, wau dan gasing semakin kurang popular dalam kalangan generasi muda akibat pengaruh permainan berasaskan teknologi.

Huraikan langkah-langkah yang wajar anda lakukan untuk mempopularkan permainan tradisional dalam kalangan remaja.

Kehendak soalan:

1. Calon dapat menghuraikan **langkah-langkah untuk mempopularkan permainan tradisional** dalam kalangan remaja dengan huraian isi yang jelas.
2. Cadangan isi:
 - menyertai pertandingan/festival yang diadakan seperti pertandingan wau, sepak takraw, kabadi.
 - mengisi masa lapang dengan bermain congkak, batu seremban, galah panjang
 - menyertai kelab permainan tradisional yang ditubuhkan oleh pihak sekolah atau kelab kesenian dan budaya.
 - menghadiri pameran tentang permainan tradisional yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.
 - mencadangkan kepada pihak sekolah agar menjadikan permainan tradisional sebagai salah satu aktiviti kokurikulum.
3. Huraian isi hendaklah jelas dan disertakan dengan contoh yang sesuai, jika **huraian secara umum** tanpa disertakan dengan contoh relevan- karangan **tidak boleh cemerlang, maksimum peringkat baik.**

Soalan 2

Amalan rumah terbuka sering diadakan pada setiap musim perayaan di Malaysia dan sekali gus dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk.

Ulas pernyataan tersebut.

Kehendak soalan:

1. Calon dapat menerangkan **amalan rumah terbuka** yang sering diadakan pada musim perayaan dapat **mengukuhkan perpaduan** dalam masyarakat majmuk di Malaysia.
2. Cadangan isi:
 - Amalan rumah terbuka dapat mengeratkan silaturahim,saling mengenali, bertukar-tukar pandangan dan berbual-bual dengan mesra.
 - Memupuk nilai-nilai murni seperti saling menghormati, bekerjasama dan bertolak-ansur.
 - Dapat memahami budaya dan adat resam kaum lain dari segi makanan, pakaian, tarian, muzik.
 - Melambangkan keunikan masyarakat Malaysia – dapat menjadi daya tarikan pelancong asing.

- Mewujudkan suasana yang harmoni dan aman damai walaupun masyarakat berbilang kaum kerana wujudnya persefahaman.
3. Huraian hendaklah dihubungkaitkan dengan amalan rumah terbuka akan dapat mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat majmuk/berbilang kaum. **Sekiranya tidak dihubungkaitkan**, markah **maksimum peringkat kepujian**.

Soalan 3

Anda akan mengambil bahagian dalam satu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah ‘Kepelbagaian Budaya Warisan Kaum Menjadi Daya Tarikan Pelancong’.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

Kehendak soalan:

1. Calon hendaklah **menulis teks syarahan yang lengkap** tentang **kepelbagaian budaya warisan kaum** yang terdapat di Malaysia telah menjadi **daya tarikan pelancong** untuk melawat negara.
2. Jika calon tidak menulis mengikut format syarahan, karangan **tidak boleh cemerlang-maksimum peringkat kepujian**.
3. Cadangan isi:
 - Adat resam dan budaya pelbagai kaum seperti pakaian, seni muzik, tarian dan makanan menjadi daya tarikan pelancong – nyatakan contoh.
 - Warisan sejarah seperti Kota A Famosa, George Town, Bukit Malawati, Muzium, rumah panjang.
 - Permainan tradisional- pertandingan/festival seperti pertandingan wau, sepak raga, kabadi, galah panjang, congkak, wayang kulit.
 - hasil seni kraf tangan – labu sayung, batik, songket.
 - Cerita-cerita rakyat yang dikaitkan dengan sesuatu tempat seperti Makam Mahsuri, Beras Terbakar.

Soalan 4

Hubungan baik Malaysia dengan negara-negara luar akan dapat menarik minat pelabur asing untuk membuat pelaburan di dalam negara.

Bincangkan kepentingan-kepentingan pelabur asing kepada negara.

Kehendak soalan:

1. Calon dapat menghuraikan **kepentingan-kepentingan pelabur asing** kepada negara dengan jelas dan contoh yang sesuai.
2. Jika calon tidak mengaitkan dengan negara-negara luar, **karangan maksimum peringkat kepujian**.

3. Cadangan isi;

- Dapat menjanakan kemajuan dari segi kemudahan infrastuktur – lebuh raya, jaringan Internet, pengangkutan
- Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat – dapat meningkatkan pendapatan rakyat, mengurangkan pengangguran
- Meningkatkan ekonomi negara – industri perkilangan berkembang pesat, barang import semakin kurang kerana sumber dalam negara digunakan sepenuhnya dalam sektor pembuatan
- Pemindahan teknologi dan perkongsian kepakaran; pekerja tempatan dilatih dengan kepakaran dari negara luar, teknologi yang canggih dibawa masuk dalam perubatan, sektor pertanian, perindustrian
- Penyelidikan dalam pelbagai bidang dapat dijalankan kerana bantuan modal dan kos ditanggung oleh pelabur asing

Soalan 5

Semangat cinta akan tanah air dapat dipupuk melalui hasil karya sastera seperti cerpen, puisi, novel dan drama kepada pembaca yang menghayati karya tersebut.

Jelaskan pernyataan tersebut.

Kehendak soalan:

1. Calon dapat menghuraikan **kesan menghayati hasil karya sastera** yang dapat **memupuk semangat cinta akan tanah air** kepada pembaca.
2. Calon boleh menerangkan salah satu atau beberapa hasil karya sastera yang dapat memupuk semangat cinta akan tanah air sebagai contoh dalam huraian isi.
3. Cadangan isi:

- Watak dan perwatakan yang digambarkan mempunyai sifat patriotik seperti Leftenan Adnan dalam novel.
- Tema dan persoalan yang menggambarkan perjuangan mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh
- Peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku dimasukkan dalam plot cerita
- Nilai-nilai murni yang terdapat dalam hasil karya sastera menggambarkan semangat cinta akan tanah air seperti nilai keberanian, ketabahan, kasih sayang
- Unsur pengajaran yang menjadi panduan dan iktibar kepada pembaca seperti rakyat hendaklah bersatu padu, berani menentang musuh yang mengancam keamanan negara, memupuk semangat perpaduan